

**ENAKMEN 12 TAHUN 2002  
ENAKMEN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (NEGERI MELAKA) 2002**

**BAHAGIAN II - PERKAHWINAN**

---

**Seksyen 7. Orang yang boleh mengkadnikahkan perkahwinan.**

(1) Sesuatu perkahwinan di Negeri Melaka hendaklah mengikut peruntukan Enakmen ini dan hendaklah diakadnikahkan mengikut Hukum Syarak oleh—

(a) wali di hadapan Pendaftar;

(b) wakil wali di hadapan dan dengan kebenaran Pendaftar; atau

(c) Pendaftar sebagai wakil wali.

(2) Jika sesuatu perkahwinan melibatkan seorang perempuan yang tiada mempunyai wali dari *nasab*, mengikut Hukum Syarak, perkahwinan itu hendaklah diakadnikahkan hanya oleh wali Raja.

---